# ISKANDAR MALAYSIA DARI PERSPEKTIF KESELAMATAN

**HAZIQAH NASIRAH BT ZOL BAHARI**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN (HUBUNGAN ANTARABANGSA)**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL**
**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**
**2009**

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: ISKANDAR MALAYSIA DARI PERSPEKTIF KESELAMATAN

IJAZAH: SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN (HUBUNGAN ANTARABANGSA)

SAYA HAZIRAH NASIRAH BT ZOL BAHARI SESI PENGAJIAN: 08/09
(HURUF BESAR)

*mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institutsi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / )

| | | |
|---|---|---|
| ☐ | SULIT | (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972) |
| ☐ | TERHAD | (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan) |
| ☐ | TIDAK TERHAD | |

Disahkan Oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: ____________

EN ZAINI OTHMAN.
Nama Penyelia

Tarikh: 15/6/09

Tarikh: 15/6/09

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.
**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

11 Mei 2009

HAZIQAH NASIRAH BT ZOL BAHARI
HA2006-1478



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PENGESAHAN PENYELIA**

Latihan Ilmiah yang bertajuk Iskandar Malaysia Dari Perspektif Keselamatan yang disediakan oleh Haziqah Nasirah bt Zol Bahari adalah bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Hubungan Antarabangsa), Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan oleh,

Tarikh: 8 Jun 2009

(Encik Zaini Othman)
Penyelia Latihan Ilmiah
Sekolah Sains Sosial
Universiti Malaysia Sabah.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# PENGHARGAAN

Saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurnianya, dapat saya menyiapkan penulisan latihan ilmiah ini. Usaha untuk menghasilkan penulisan ini tidak mungkin terlaksana tanpa sumbangan dan bimbingan beberapa pihak. Saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada ayah bonda, Encik Zol Bahari Abu Bakar dan Puan Harpah Md. Ariff, adinda Hazirah, Hasif, Nawwarah, Aliff dan Hafiy serta ahli keluarga khususnya YB Puan Asiah Md. Ariff dan Puan Hajah Ramlah Md. Ariff yang sentiasa menjadi pendorong, peneman setia dan telah banyak memberi bantuan kepada saya, baik dari segi material mahupun sokongan moral yang padu. Sekalung budi kepada dua wanita teristimewa iaitu bonda Harpah dan nenda Hajah Rahmah Ahmad yang sentiasa berada di belakang saya pada setiap masa dan menjadi sumber inspirasi serta kekuatan semangat. Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada penyelia saya iaitu Encik Zaini Othman yang telah memberi bimbingan dalam penulisan latihan ilmiah ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pensyarah Hubungan Antarabangsa yang telah memberi input berguna sama ada secara langsung atau tidak langsung, terutama sekali kepada Encik Wan Shawaluddin Wan Hassan dan Puan Marja Azlima Omar atas nasihat dan tunjuk ajar yang telah diberi kepada saya. Saya juga berterima kasih kepada sahabat-sahabat sama ada dari UMS mahupun di luar sana yang menemani perjuangan saya, dan orang perseorangan yang telah memberi sokongan dan bantuan mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga penulisan latihan ilmiah ini dapat memberi manfaat yang berguna dan menjadi sumbangan kecil saya kepada bangsa, agama dan negara.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**ABSTRAK**

Hubungan bersejarah Johor-Singapura bermula sejak Kesultanan Johor-Riau-Lingga sehingga ke hari ini. Walaupun selepas Singapura berpisah dari Malaysia pada tahun 1965, Johor sebagai negeri bersempadan telah menikmati limpahan ekonomi hasil kemajuan pesat Singapura. Iskandar Malaysia yang diperkenalkan oleh kerajaan sebagai koridor pembangunan ekonomi selatan rentetan kerjasama SIJORI, bagaimanapun telah mencetuskan kebimbangan domestik. Penglibatan Singapura dalam Iskandar dilihat sebagai ancaman kepada kelangsungan kedaulatan dan keselamatan ekonomi tempatan, lebih-lebih lagi apabila Perdana Menteri Malaysia mahu melihat hubungan simbiotik Johor-Singapura melalui Iskandar ala Model Shenzhen-Hong Kong. Kebimbangan ini disebabkan oleh isu-isu yang tergendala dalam hubungan Johor-Singapura dan kehilangan Pulau Batu Puteh ke tangan Singapura menjadikan kebimbangan keselamatan meningkat. Peranan pelaburan langsung asing (FDI) yang menjadi tarikan utama Iskandar akan dilihat terlebih dahulu. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji isu-isu keselamatan yang timbul dalam konteks hubungan Johor-Singapura sejajar dengan pembangunan Iskandar Malaysia melalui konsep Sekuritisasi dan Desekuritisasi yang dipelopori oleh Pemikiran Copenhagen berkenaan kajian keselamatan bukan tradisional. Petunjuk-petunjuk sekuritisasi dan desekuritisasi Iskandar Malaysia akan dianalisis menggunakan isu-isu yang signifikan dan seterusnya, mengenalpasti tindakan sekuritisasi/desekuritisasi yang telah dilaksanakan. Kejayaan atau kegagalan tindakan sekuritisasi/ desekuritisasi Iskandar Malaysia ini adalah bersandarkan kepada penerimaan khalayak, sama ada khalayak menerima atau menolak *'speech act'* yang telah disampaikan dengan terang oleh aktor sekuriti atau desekuriti.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## ABSTRACT

*Johor-Singapore historical relations started since Johor-Riau-Lingga Sultanate and remained until now. Although after Singapore separated from Malaysia in 1965, Johor as a border state enjoys economic spillover from Singapore's rapid growth. Iskandar Malaysia, the southern economic development corridor introduced by federal government since the successful of economic cooperation in SIJORI, nevertheless outbreaks domestic concerns among Johoreans and Malaysians. Singapore's involvement in Iskandar had been seen as an existential threat to the survival of sovereignty and economic security of Johor, furthermore when Prime Minister of Malaysia prefers to see Johor-Singapore symbiotic relations through Iskandar a la Shenzhen-Hong Kong Model. Ongoing issues in Johor-Singapore relations particularly after Pulau Batu Puteh judgement, arose security concerns. The role of foreign direct investment (FDI) which is the main attraction of Iskandar will be initially analyzed. Security issues involving Johor-Singapore relations regarding to the development of Iskandar Malaysia will be studied using the concept of Securitization and Desecuritization developed by Copenhagen School and its non-traditional security approach. Securitization and desecuritization indicators will be analyzed using significant issues and 'two-stage process' of securitization or desecuritization. Further on, this study will identify securitization/desecuritization act taken by certain actors. A succesfull or failure of securitization/desecuritization act depends on the audience, whether they are accepting or rejecting the speech act articulated by the securitizing or desecuritizing actors.*




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI KANDUNGAN


| | Halaman |
|---|---|
| **TAJUK** | i |
| **PENGAKUAN** | ii |
| **PENGESAHAN PENYELIA** | iii |
| **PENGHARGAAN** | iv |
| **ABSTRAK** | v |
| ***ABSTRACT*** | vi |
| **SENARAI KANDUNGAN** | vii-ix |
| **SENARAI JADUAL** | x |
| **SENARAI RAJAH** | xi |
| **SENARAI FOTO** | xii-xiii |
| **SENARAI SINGKATAN** | xiv-xvi |
| **SENARAI LAMPIRAN** | xvii |
| **BAB 1: PENGENALAN** | 1 |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.1.1 Latar Belakang Koridor Ekonomi Iskandar Malaysia | 1 |
| 1.1.2 Kedudukan Antarabangsa dan Penempatan Iskandar | 4 |
| 1.1.3 Penglibatan Singapura Dalam Iskandar Malaysia | 6 |
| 1.1.4 Sekuritisasi dan Desekuritisasi Dalam Konteks Kajian | 7 |
| 1.2 Permasalahan Kajian | 7 |
| 1.3 Objektif Kajian | 8 |
| 1.4 Kepentingan Kajian | 8 |
| 1.5 Kaedah Kutipan Data | 8 |
| 1.6 Pendekatan Teori/Konsep | 10 |
| 1.7 Sorotan Literatur | 13 |
| 1.8 Struktur Kajian | 16 |




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**BAB 2: PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI POLITIK MALAYSIA** 18

2.1 Pengenalan 18

2.2 Definisi Pelaburan Asing 18

2.3 Definisi Pelaburan Langsung Asing (FDI) 20

2.4 Kepentingan Pelaburan Langsung Asing 22

2.5 Pelaburan Langsung Asing Dalam Pembangunan Ekonomi Politik di Malaysia 26

2.5.1 Malaysia Sebagai Destinasi Pelaburan Unggul 31

2.5.2 Isu Penguncupan Pelaburan Langsung Asing ke Malaysia 35

2.6 Iskandar Malaysia dan Pelaburan Langsung Asing 39

2.6.1 Rancangan Pembangunan Menyeluruh (RPM) 45

2.6.2 Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) 47

2.6.3 Iskandar Investment Berhad (IIB) 49

2.6.4 Pakej Insentif dan Sokongan (ISP) 50

2.6.5 Perkembangan FDI dalam Pembangunan Iskandar 55

2.7 Persoalan Keselamatan Ekonomi dalam Pelaburan Asing 60

2.8 Kesimpulan 65

**BAB 3: ISKANDAR MALAYSIA DAN SEKURITISASI** 66

3.1 Pengenalan 66

3.2 Hubungan Johor-Singapura 67

3.2.1 Johor dalam Hubungan Ekonomi Malaysia-Singapura 76

3.3 Isu-isu Berangkai Dalam Hubungan Johor-Singapura dan Sekuritisasi Iskandar Malaysia 84

3.3.1 Objek Rujukan, Aktor-aktor Sekuriti dan Sekuritisasi 85

3.3.2 Isu Kenyataan Lee Kuan Yew 87

3.3.3 Peristiwa Pengehebahan Pesawat Tanpa Pemandu (UAV) 90



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

3.3.4 Isu Jambatan Bengkok Bagi Menggantikan Tambak Johor 94

3.3.5 Isu Pulau Batu Puteh, Pulau Pisang dan Pulau Merambong 99

3.3.6 Kaitan Isu-isu Berangkai Hubungan Johor-Singapura dengan Proses Sekuritisasi Iskandar Malaysia 102

3.4 Sekuritisasi Iskandar Malaysia 103

3.4.1 Zon Akses Bebas (FAZ) 104

3.4.2 Dua Puluh Tuntutan ProWaris-MAPAN 109

3.4.3 Kepinggiran Rakyat Tempatan dan Keselamatan Ekonomi 111

3.5 Kesimpulan 117

**BAB 4: ISKANDAR MALAYSIA DAN DESEKURITISASI** 119

4.1 Pengenalan 119

4.2 Desekuritisasi Iskandar Malaysia 120

4.2.1 Hubungan Ekonomi Saling Melengkapi Malaysia-Singapura 121

4.2.2 Perhimpunan Agung UMNO 2007 126

4.2.3 Peranan Menteri Besar Johor 129

4.3 Kesimpulan 135

**BAB 5: KESIMPULAN** 136

**RUJUKAN** 142

**LAMPIRAN** 151-175



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual 2.1: Aliran Masuk FDI ke Negara-negara Membangun, 2004 23

Jadual 2.2: Jumlah Pelaburan Asing Dalam Projek Yang Diluluskan, 1980-1987 (RM Juta) 29

Jadual 2.3: Senarai Syarikat Multinasional Dari Amerika Syarikat yang Melabur Dalam Sektor Perkilangan di Malaysia 34

Jadual 2.4: Anggaran Penduduk Iskandar 42

Jadual 2.5: Anggaran Pertumbuhan Tahunan dan Petunjuk Ekonomi Terpilih Dengan atau Tanpa Iskandar 42

Jadual 2.6: Kesan yang Diramalkan Bagi Petunjuk Ekonomi Terpilih Dengan atau Tanpa Iskandar 44

Jadual 3.1: Haluan Eksport Singapura dan Malaysia 78

Jadual 3.2: Struktur Eksport Singapura dan Malaysia 79

Jadual 3.3: Kelas Aktiviti yang Dibenarkan Dalam FAZ 107

Jadual 4.1: Lapan Destinasi Pelaburan Teratas bagi Pelaburan Luar Negara Singapura ($juta stok pada akhir 2001) 122

Jadual 4.2: Perdagangan Bilateral antara Singapura dan Malaysia 122

Jadual 4.3: FDI Bilateral antara Singapura dan Malaysia 123



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1.1: Liputan kawasan Iskandar Malaysia 2

Rajah 1.2: Lima zon utama Iskandar Malaysia 3

Rajah 1.3: Kedudukan antarabangsa Iskandar Malaysia 5

Rajah 2.1: Aliran kasar FDI (1990-2002) 31

Rajah 2.2: Komponen FDI kasar 31

Rajah 2.3: Sepuluh penerima FDI ekonomi membangun yang teratas pada tahun 2002 37

Rajah 2.4: Teras Strategik RPM 45

Rajah 2.5: Tunggak utama ekonomi yang menjadi pemacu kemasukan FDI dalam Iskandar 46

Rajah 2.6: Lima zon utama Iskandar Malaysia. Zon A: Pusat Bandar Johor Bahru, Zon B: Nusajaya, Zon C: Pembangunan Pintu Barat, Zon D: Pembangunan Pintu Timur dan Zon E: Senai-Skudai 47

Rajah 2.7: Peta lokasi Nod 1 – nod diluluskan 51

Rajah 2.8: Carta Pakej Insentif dan Sokongan atau *Initial Incentives and Support Package* (ISP) 53

Rajah 2.9: Peta lokasi menunjukkan kedudukan Medini (atau Nod 1) 58

Rajah 3.1: Spektrum sekuritisasi 84

Rajah 3.2: Peta cadangan untuk Rancangan Pembangunan Menyeluruh (RPM) yang meliputi Zon Akses Bebas atau FAZ 105

Rajah 3.3: Lokasi Leisure Farm di Nusajaya 112

Rajah 4.1: Spektrum desekuritisasi 120



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI FOTO

Halaman

Foto 2.1: Imej Shenzhen pada tahun 1970. 40

Foto 2.2: Imej Shenzhen kini (tahun 2007). 40

Foto 2.3: Pejabat utama IRDA yang terletak di Teluk Danga, Jalan Skudai, Johor Bahru. 48

Foto 2.4: Bangunan pejabat Iskandar Investment Berhad (IIB) di Teluk Danga, Jalan Skudai, Johor Bahru. 50

Foto 2.5: Bangunan IIB ini terletak sebaris dengan bangunan IRDA (yang terletak di sebelah kiri gambar). 50

Foto 2.6: Imej ketika penulis melewati Pelabuhan Pasir Gudang. 56

Foto 2.7: Antara kapal yang berada di Pelabuhan Pasir Gudang. 56

Foto 2.8: Kaji lapangan penulis. 57

Foto 2.9: Abdullah Badawi melihat model Putrajaya yang dibina daripada Lego selepas melancarkan projek Legoland Malaysia di Nusajaya. 57

Foto 2.10: Pemandangan yang sinonim di kawasan Iskandar. 62

Foto 2.11: Kawasan perumahan yang dikatakan diusahakan oleh VVIP yang terletak dalam kawasan kampung dan rumah orang asli. Pengawal keselamatan terdiri daripada warga Nepal. 62

Foto 2.12: Perkampungan orang asli terletak dalam perumahan mewah. Kanan: Anak-anak orang asli melewati perumahan yang cukup privasi. 62

Foto 2.13: Senario biasa yang dapat dilihat di sekitar Johor Bahru (kiri) dan di Gelang Patah yang menghubungkan jambatan kedua Johor-Singapura atau Link Kedua. 64

Foto 2.14: Papan tanda menunjukkan arah Woodlands, Singapura dan Bangunan KIK Sultan Iskandar di Johor Bahru. 64

Foto 2.15: Link Kedua pintu masuk dari/ke Tuas, Singapura dan Bangunan KIK Sultan Ibrahim di Tanjung Kupang, Gelang Patah. 64

Foto 3.1: Pengkaji (duduk kanan) mengikuti program Jejak Sejarah Kesultanan Johor-Riau-Lingga anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Kota Tinggi yang disertai oleh krew Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Kuala Lumpur bagi rakaman "Sejarah Kegemilangan Johor". 68



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI FOTO

Halaman

Foto 3.2: Singapura begitu dekat dengan Johor dan pemandangan di seberang tambak dapat dilihat. 69

Foto 3.3: Bangunan Sultan Ibrahim di Bukit Timbalan menjadi pusat pentadbiran negeri Johor selepas Sultan Abu Bakar memindahkan ibu negeri ke Johor Bahru. 69

Foto 3.4: Upacara penganugerahan. DYMM Sultan Iskandar menerima anugerah Doktor Kehormat Undang-undang yang disampaikan oleh Presiden Singapura merangkap Canselor NUS, S R Nathan. 72

Foto 3.5: Keberangkatan pulang DYMM Sultan Iskandar dan DYMM Sultanah Zanariah selepas upacara penganugerahan dengan ditemani oleh Presiden S R Nathan. 72

Foto 3.6: Tambak Johor. Kenderaan yang kelihatan menuju ke Singapura. Struktur tambak menghalang laluan kapal di Selat Tebrau. 95

Foto 3.7: Link Kedua. Kenderaan kurang melalui laluan ini kerana lokasi Gelang Patah yang agak jauh dari pusat bandar Johor Bahru. 95

Foto 3.8: Pulau Batu Puteh yang menjadi milik Singapura. 100

Foto 3.9: Leisure Farm Resort. 112

Foto 4.1: Pembinaan lebuh raya baru yang menghubungkan Teluk Danga dengan Nusajaya menyebabkan kerajaan membeli tanah penduduk di Kampung Sungai Danga. 128

Foto 4.2: Pembangunan pesat di Zon Senai-Skudai. 132



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| ASEAN | Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara |
| CIBD | Lembaga Pembangunan Industri Perindustrian Malaysia |
| CDP | *Comprehensive Development Plan* |
| COPRI | *Conflict and Peace Research Institute, Copenhagen* |
| DAP | *Democratic Action Party* |
| ECER | *East Coast Economic Region*<br>(Wilayah Ekonomi Pantai Timur) |
| EPU | *Economic Planning Unit*<br>(Unit Perancang Ekonomi) |
| FAZ | *Free Access Zone*<br>(Zon Akses Bebas) |
| FDI | *Foreign Direct Investment*<br>(Pelaburan Langsung Asing) |
| FIC | Jawatankuasa Pelaburan Asing |
| FTA | Kawasan Perdagangan Bebas |
| GLC | Syarikat Berkaitan Kerajaan |
| GCC | Majlis Kerjasama Teluk |
| GREEN | *Graduate Employability and Enhancement* |
| ICAO | *International Civil Aviation Oraganization* |
| ICJ | Mahkamah Keadilan Antarabangsa |
| IDR | *Iskandar Development Region* |
| IIB | Iskandar Investment Berhad |
| IMF | Tabung Kewangan Antarabangsa |
| IMS-GT | *Indonesia-Malaysia-Singapore Growth Triangle*<br>(Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Singapura) |
| IPC | Syarikat Pemerolehan Antarabangsa |
| IRDA | *Iskandar Regional Development Authority*<br>(Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar) |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

| | |
|---|---|
| Iskandar | Iskandar Malaysia |
| ISP | *Initial Incentive and Support Package* |
| JSNAC | Pusat Pentadbiran Baru Kerajaan Johor |
| KDNK | Keluaran Dalam Negara Kasar |
| MAPAN | Majlis Permuafakatan NGO-NGO Malaysia |
| MBJB | Majlis Bandaraya Johor Bahru |
| MIDA | Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia |
| MNC | Syarikat Multinasional |
| MSC | Koridor Raya Multimedia |
| My KMU | Kumpulan Menyokong UMNO Malaysia |
| NAFTA | *North America Free Trade Agreement* |
| NCER | *Northern Corridor Economic Region* (Wilayah Ekonomi Koridor Utara) |
| NIE | *New Industrializing Economies* |
| NUMed | *Newcastle University of Medicine* |
| NUS | *National University of Singapore* |
| NGO | Badan Bukan Kerajaan |
| OHQ | Ibu Pejabat Operasi |
| P&P | Penyelidikan dan Pembangunan |
| PAJ | Program Pembabitan Anak Johor |
| PAP | *People's Action Party* |
| PAS | Parti Islam SeMalaysia |
| PKR | Parti Keadilan Rakyat |
| ProWaris | Pertubuhan Profesional Melayu dan Pewaris Bangsa |
| PSA | *Port of Singapore Authority* |
| PTP | Pelabuhan Tanjung Pelepas |
| RDC | Pusat Pengedaran Serantau |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

| | |
|---|---|
| RMK9 | Rancangan Malaysia Kesembilan |
| RPM | Rancangan Pembangunan Menyeluruh |
| RSAF | *Republic of Singapore Air Force* |
| SCORE | *Sarawak Corridor of Renewable Energy*<br>(Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak) |
| SDC | *Sabah Development Corridor*<br>(Koridor Pembangunan Sabah) |
| SEZ | *Special Economic Zones*<br>(Kawasan Ekonomi Khas) |
| SHTI | Syarikat Hindia-Timur Inggeris |
| SIA | *Singapore Airlines* |
| SIJORI | Segitiga Pertumbuhan Singapura-Johor-Riau |
| SJER | *South Johor Economic Region*<br>(Wilayah Ekonomi Johor Selatan) |
| SJICB | South Johor Investment Corporation Berhad |
| SREZ | *Subregional Economic Zone* |
| TIFA | *Trade and Investment Agreement* |
| UAV | Pesawat Tanpa Pemandu |
| UMNO | Parti Kebangsaan Melayu Bersatu |
| UNCTAD | *United Nations Conference On Trade and Development* |
| WPI | Wilayah Pembangunan Iskandar |
| ZEE | Zon Ekonomi Eksklusif |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN


Halaman

Lampiran A: Pelaburan Ekuiti Mengikut Negara 152

Lampiran B: *World Investment Report 2008:* Malaysia 156

Lampiran C: Garis Panduan Mengenai Perolehan Hartanah oleh Kepentingan Tempatan dan Asing 159




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Hubungan bilateral antara Malaysia dengan Singapura telah lama terjalin. Namun demikian, sejak perpisahan Singapura dari Malaysia pada tahun 1965, hubungan Malaysia-Singapura dilanda pelbagai isu dan ketidaktentuan. Cabaran ini bagaimanapun tidak menghalang kewujudan persekitaran dan integrasi ekonomi yang baik antara kedua-dua buah negara, khususnya di negeri Johor yang menjadi 'Pintu Masuk Selatan' bagi aktiviti perdagangan Singapura di Malaysia. Kedudukan geografi Johor dan Singapura adalah begitu dekat dan hanya dipisahkan oleh *Johor Causeway* atau Tambak Johor. Tambahan lagi, Singapura mempunyai hubungan tradisional yang cukup istimewa dengan Kesultanan Johor. Melalui kewujudan *Subregional Economic Zone* (SREZ) iaitu Segitiga Pertumbuhan Singapura-Johor-Riau (SIJORI), integrasi ekonomi Johor-Singapura bertambah erat. Pelancaran koridor ekonomi yang menjadi gagasan Perdana Menteri Abdullah Badawi iaitu Iskandar Malaysia di Johor walau bagaimanapun telah menyaksikan timbulnya isu-isu keselamatan dalam hubungan Johor-Singapura.

### 1.1.1 Latar Belakang Koridor Ekonomi Iskandar Malaysia

Iskandar Malaysia (Iskandar) yang sebelum ini dikenali sebagai Wilayah Ekonomi Selatan Johor atau *South Johor Economic Region* (SJER) dan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) telah diumumkan pelaksanaannya oleh Perdana Menteri Malaysia Kelima iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 30 Julai 2006.[1] Kawasan ini dilancarkan secara rasmi pada 4 November 2006 oleh Sultan Johor, Duli Yang Maha Mulia Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj ibni Almarhum Sultan Sir Ismail Al-Khalidi[2] dan dinamakan bersempena nama baginda. Iskandar adalah koridor ekonomi yang pertama di Malaysia yang menjadi gagasan Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi, selain empat buah koridor ekonomi lagi iaitu Wilayah Ekonomi

---

[1] "Iskandar Malaysia" dalam http://en.wikipedia.org/Iskandar_Malaysia, dilayari pada 28 Jun 2008.
[2] "Sultan Iskandar of Johor" dalam http://en.wikipedia.org/Sultan_Iskandar_of_Johor, dilayari pada 5 Jun 2008.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Koridor Utara atau *Northern Corridor Economic Region* (NCER), Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau *East Coast Economic Region* (ECER), Koridor Pembangunan Sabah atau *Sabah Development Corridor* (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak atau *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE).[3] Iskandar Malaysia termaktub di bawah Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2007 Undang-undang Malaysia.




**Rajah 1.1: Liputan kawasan Iskandar Malaysia**
(Sumber: *Melabur di Iskandar Malaysia*, IRDA, 2008)

Iskandar merangkumi kawasan seluas 2,217 km persegi atau 221,634 hektar – 3 kali lebih besar dari saiz keluasan Singapura iaitu 690 km persegi dan 2 kali lebih besar dari Hong Kong. Penduduk di wilayah ini dianggarkan berjumlah 1.35 juta (atau 43% daripada penduduk Johor yang berjumlah 3.17juta pada 2005) dengan tenaga kerja membentuk kira-kira 66% daripada jumlah penduduk.[4] Kawasan yang dilingkungi oleh Iskandar adalah daerah Johor Bahru, daerah Kulai Jaya dan sebahagian daerah Pontian yang merangkumi Mukim Jeram Batu, Mukim Sungai Karang, Mukim Serkat dan Pulau Kukup (Mukim Ayer Masin). Pihak Berkuasa Tempatan dalam Iskandar adalah Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Majlis Perbandaran Kulai, Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan Majlis Daerah Pontian.[5] Lima zon tumpuan Iskandar adalah Zon A: Pusat Bandar Johor Bahru, Zon B: Nusajaya (Pusat Pentadbiran Baru Negeri Johor), Zon C: Pembangunan Pintu Barat atau *Western Gate Development* (yang merangkumi

---

[3] "Iskandar Malaysia" dalam http://en.wikipedia.org/Iskandar_Malaysia.
[4] *Melabur di Iskandar Malaysia,* Johor Bahru: Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar, 2008, hlm. 10.
[5] *Ibid*, hlm. 18.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Link Kedua), Zon D: Pembangunan Pintu Timur atau *Eastern Gate Development* (meliputi Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Langsat) dan Zon E: Senai-Skudai.[6]




**Rajah 1.2: Lima zon utama Iskandar Malaysia**
(Sumber: *Melabur di Iskandar Malaysia*, IRDA, 2008)

Wilayah Pembangunan Iskandar atau Iskandar Malaysia ini adalah projek yang dirancang melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) iaitu pelan induk ekonomi Malaysia bagi tahun 2006 hingga 2010, meliputi pelbagai peruntukan dan inisiatif penting bagi mendorong pembangunan ekonomi selanjutnya. Berbekalkan peruntukan bernilai RM4.3 bilion daripada kerajaan, Iskandar merupakan salah satu projek pembangunan tunggal terbesar yang pernah dilaksanakan di rantau ini.[7] Tujuan utama Iskandar Malaysia adalah untuk mewujudkan suatu kawasan pembangunan yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020. Terdapat empat komponen penting dalam Iskandar[8] iaitu:

i. Penggubalan Pelan Induk Perniagaan iaitu Rancangan Pembangunan Menyeluruh (RPM).

---

[6] "Iskandar Malaysia" dalam http://en.wikipedia.org/Iskandar_Malaysia.
[7] *Melabur di Iskandar Malaysia,* hlm. 1.
[8] *Ibid*, hlm. 18.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ii. Penubuhan badan kawal selia yang kukuh iaitu Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) yang akan merancang dan memudahkan kelulusan menerusi sebuah hentian setempat dan menangani pembangunan sosial.
iii. Penubuhan Pemaju Raya iaitu South Johor Investment Corporation Berhad (SJICB) yang mempelopori pembangunan pemangkinan di Iskandar (kemudian dikenali sebagai Iskandar Investment Berhad).
iv. Pemberian pakej insentif untuk menggalakkan inisiatif.

RPM menurut Menteri Besar Johor, Dato' Abdul Ghani Otman, dirangka untuk menjadikan Iskandar sebagai destinasi paling menarik untuk pelaburan langsung asing (FDI).[9] FDI yang menjadi elemen penting kajian keselamatan Iskandar Malaysia ini akan dikupas selanjutnya dalam Bab 2.

### 1.1.2 Kedudukan Antarabangsa dan Penempatan Iskandar

Iskandar yang terletak dalam negeri Johor merupakan lokasi strategik iaitu di tengah-tengah Asia Tenggara, di hujung selatan Semenanjung Malaysia, di lokasi persimpangan laluan perdagangan Timur-Barat dan di pertengahan jalan antara China dan India yang sedang mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat. Kedudukan Iskandar ini hanya 4 hingga 8 jam penerbangan dari bandar raya Asia yang sedang berkembang pesat seperti Bangalore, Bahrain, Delhi, Dubai, Hong Kong, Hanoi, Ho Chi Minh, Shanghai dan Taipei. Iskandar juga terletak dalam jangkauan pasaran global yang meliputi kira-kira 800 juta orang.[10]

Iskandar akan menjadi wilayah pembangunan paling pesat di hujung selatan Semenanjung Malaysia yang mana kehidupan, persekitaran dan perniagaan bergabung membentuk sebuah metropolis yang maju dan makmur. Dari perspektif global, pembangunan Iskandar mesti dilihat dalam konteks cabaran yang dibawakan oleh liberalisasi perdagangan dan perkhidmatan yang memberi kesan besar ke atas pergerakan modal dan tenaga kerja mahir, pembangunan ICT dan aliran maklumat. Pembangunan Iskandar ini menyahut cabaran dengan kesedaran bahawa kemakmuran ekonomi pada zaman moden bergantung kepada daya saing global. Oleh yang demikian, Iskandar akan menjadi sebuah 'bandar raya antarabangsa' bagi

---

[9] *Berita Harian*, "WPI Sasar RM8b Pelaburan Asing", 20 Februari 2008.
[10] *Melabur di Iskandar Malaysia*, hlm. 16.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

